

PM: Jangan jadi bangsa kelas

UM 1 III 2004

SHAH ALAM 30 Jun — Orang Melayu digesa mengubah sikap dan memperbetulkan diri sendiri bagi mengelakkan mereka menjadi bangsa kelas dua atau tiga pada tahun 2020.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, status negara maju yang diidamkan pada 2020 tidak akan bermakna sekiranya orang Melayu, ketika itu adalah golongan termiskin dalam negara.

Beliau menegaskan, sejak 43 tahun merdeka dan UMNO memerintah, kerajaan telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menyamakan taraf hidup orang Melayu dengan bangsa lain tetapi mereka masih menjadi kumpulan termiskin.

Katanya, orang Melayu perlu menyoal diri sendiri kerana itu ada asasnya daripada sibuk menyalahkan pihak lain mengenai

sebab mereka masih tidak maju.

“Tolonglah, kita kena buat sendiri...kalau tidak sia-sia kita majukan negara nak setaraf dengan bangsa lain.

“Soal diri kenapa kita tidak maju seperti orang lain, jangan jawapannya kerana kerajaan salah. Bukan kerajaan tapi kita yang salah,” katanya semasa berucap merasmikan Konvensyen UMNO Ke-10 Badan Perhubungan UMNO Selangor, di sini hari ini.

Konvensyen dua hari itu dihadiri oleh kira-kira 2,000 pemimpin dan ahli UMNO termasuk wakil-wakil pemimpin pertubuhan bukan kerajaan.

Dalam ucapan lebih sejam itu, Dr. Mahathir berkata, orang Melayu sepatutnya menumpukan perhatian kepada sebab

kegagalan individu dan bukannya apa yang boleh dilakukan oleh kerajaan seperti resolusi yang banyak dihasilkan daripada seminar atau konvensyen.

Jelas beliau, kemiskinan orang Melayu hakikatnya kerana kegagalan mereka menganalisis kelemahan diri sendiri serta lebih banyak mengharapkan orang lain melakukan sesuatu untuk membolehkan mereka jadi kaya.

“Kalau dah usaha tetapi gagal, kena soal diri kita kenapa gagal dalam bidang ekonomi, perniagaan dan pendidikan. Apakah kerana kita tidak berbuat sesuatu atau kerana kerajaan tidak bertindak,” tegasnya.

Dr. Mahathir berkata, orang Melayu perlu tahu terlebih dahulu sebab-sebab kemiskinan mereka dan dari situlah baru boleh dicari jalan untuk mengatasinya.

Tambah beliau, orang Melayu juga perlu memiliki ilmu yang baik sekiranya ingin maju serta bebas daripada belenggu kemiskinan.

Ujarnya, bangsa-bangsa lain telah lama memanfaatkan ilmu mereka sebaik mungkin termasuk untuk menambahkan pendapatan.

“Sedangkan kita ada banyak masa terluang. Macam-macam kerja boleh buat untuk tambah pendapatan,” katanya.

Dalam pada itu, Presiden UMNO itu turut meminta ahli-ahli UMNO memahami konsep demokrasi dalam pertandingan merebut jawatan dalam parti.

Katanya, pertandingan hanya untuk menentukan pemimpin dan selepas itu semua perlu merapatkan barisan dan menyokong siapa sahaja yang menang.

dua